

11/05/2003

Kerajaan sedia gubal undang-undang tangani Tonto

KUALA KLAWANG: Kerajaan sedia menggubal undang-undang khusus untuk menangani masalah kumpulan 'tolong orang nak tipu orang' (tonto) yang kerap menghalang tugas penguatkuasaan, kata Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata, selama ini, pihak berkuasa hanya menggunakan satu peruntukan mengikut Kanun Keseksaan iaitu menghalang pegawai awam daripada menjalankan tugas dan ini tidak mencakupi operasi yang dibuat oleh tonto atau kumpulan yang menjadi dalang dalam operasi pencegahan atau serbuan.

Beliau bagaimanapun, berkata operasi tonto mesti diperkenalkan kepada pembuat undang-undang kerana setakat ini belum ada maklumat jelas diberikan.

Dr Rais pernah menyatakan kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin agar memberi spesifikasi yang jelas terhadap operasi tonto, termasuk berkaitan pengedaran cakera padat video (VCD) dan cakera padat (CD) lucah.

"Barulah peruntukan spesifik dapat kita kemukakan dalam mana-mana undang-undang, sama ada mengikut Akta Hakcipta, Kanun Keseksaan, Kanun Acara Jenayah atau mana-mana akta berkaitan dengan operasi itu.

"Pihak saya sedia memberikan sepenuh kerjasama dan kita akan dapatkan maklumat itu secepat mungkin dan digubal peruntukan itu," kata beliau selepas merasmikan Program Khidmat Masyarakat Ahli Parlimen Jelebu bersama

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) anjuran Biro Ekonomi Umno bahagian di sini, semalam.

Laporan akhbar semalam menyebut, Muhyiddin meminta diwujudkan undang-undang khas bagi mengawal dan membanteras tonto yang membantu peniaga VCD

cetak rompak dan lucah beroperasi di negara ini.

Dr Rais berkata dalam mesyuarat Kabinet, minggu lalu, beliau mencadangkan supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya yang juga menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri mengepalai beberapa taklimat dan arahan spesifik supaya pelaksanaan undang-undang di negara ini mendapat garis panduan yang jelas daripada kerajaan.

Dr Rais berkata, pihak penguatkuasaan perlu menghalusi operasi kerana ia tidak difahami seratus peratus oleh pembuat undang-undang, selain mengatasi masalah keseluruhan iaitu feel penguat kuasa itu sendiri.

"Kejayaan penguat kuasa setakat ini memang tidak dinafikan, itu sudah menjadi rekod, yang jadi persoalan ialah bahawa beberapa teguran atau penyampaian bukti yang disampaikan oleh rakyat, susulannya itu tidak setimpal," kata beliau.

Sementara itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Seri Abu Zahar Isnin akan mengambil tindakan terhadap pihak yang

terbabit  
dengan kumpulan tonto.

Katanya, sehingga kini pihaknya sedang mengenal pasti beberapa kumpulan tonto yang mengganggu kelancaran tugas penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pelbagai tindakan boleh dikenakan, termasuk menahan mereka yang berkumpul di luar bangunan PBT atas kesalahan berkumpul secara haram melebihi lima orang, katanya kepada pemberita ketika ditemui pada program sejenak bersama Pengasih di Perkampungan Portugis, dekat sini, semalam.